

Pasukan 'Meow Meow' johan FKAL 6th Annual Stock Trading Competition 2024

UB 25.06.2024 P.06

LABUAN: Pasukan "Meow Meow" yang mewakili Program Ekonomi Kewangan Antarabangsa (HE22) muncul johan 6th Annual Stock Trading Competition 2024.

Pertandingan dianjurkan Kelab Kewangan Antarabangsa (HE19), Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) di Makmal Serbaguna, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Sabtu lalu.

Pasukan itu yang terdiri daripada Iza Izzati Azahar, Meenatharshini A/P Ravi, dan Nurul Ashikin Ismail dengan jumlah pulangan pelaburan (ROI) sebanyak 19.86% membawa pulang wang tunai RM200.

Naib johan dimenangi pasukan "RTS" pelajar Pasca-Siswazah daripada gabungan Program Ekonomi Kewangan Antarabangsa (HE22) dan Program Kewangan Antarabangsa (HE19) dengan ROI sebanyak 15.36%.

Manakala pasukan "UN-KNOWN" gabungan pelajar program Kewangan Antarabangsa (HE19) dan Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20) memenangi tempat ketiga dengan ROI sebanyak 14.19%.

Tempat keempat dimenangi

pelajar Program Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20) iaitu pasukan "LABUAN STAR" dengan ROI sebanyak 11.31%.

Pasukan "YPK" gabungan pelajar program Kewangan Antarabangsa (HE19) dan Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20) di tempat kelima dengan ROI sebanyak 9.04%.

Hadiah saguhati berupa hamper dimenangi pasukan Powerpuff Girls, Bull Bear, HE22 Roar, LAS Traders, Yeelong Mah, E.R.D, Survivor, NBC, Trade Tribe dan Trio.

Dalam ucapan perasmianya, Dekan Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL), Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal berkata pertandingan ini bertujuan menyediakan platform untuk semua peserta menguji pengetahuan mereka dan mendapatkan pengalaman sebenar dalam perdagangan saham.

Selain itu, katanya, pertandingan itu juga membantu mereka mempertajamkan kemahiran membuat keputusan dalam situasi segera.

Dr. Geoffrey menyatakan keterujaannya terhadap acara ini dan menekankan peranannya dalam membangunkan kemahiran perdagangan

pelajar.

"Saya juga berharap agar program itu dapat melibatkan penyertaan daripada sekolah-sekolah, IPTA, IPTS, industri dan komuniti pada masa akan datang," katanya.

Program itu ditaja oleh Jabatan Belia dan Sukan Labuan disertai sebanyak 26 kumpulan yang mengandungi 3 ahli setiap kumpulan.

Turut hadir Penolong Pengarah Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan, Tracy Tumay Rigar, Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa), Dr. Ricky Chia Chee Jun, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Inovasi), Dr. Anath Rau Krishnan dan Timbalan Dekan (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni,) Dr. Noor Hassanah Husin.

Hadir sama Ketua Program Pemasaran Antarabangsa (HE21), Dr. Zurina Patrick, Ketua Program Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir (HE20), Dr. Ashari Bakri, Pensyarah Kanan, Dr. Emily Yapp Hon Tshin, Pensyarah Kanan, Zakiah Hassan, Penyelaras Program 6th Annual Stock Trading Competition 2024, Dr. Aminah Shari dan Siti Nur Aqilah Ab Wahab serta Pengarah Program 6th Annual Stock Trading Competition 2024, Nurul Nabila Syahira Yusri.



TERBAIK: Johan 6th Annual Stock Trading Competition 2024, pasukan Meow Meow yang terdiri daripada Iza Izzati, Meenatharshini A/P Ravi, dan Nurul Ashikin bersama Dr. Geoffrey, Tracy (kanan) dan Nurul Nabila (kiri).



MANTAP: Dr. Geoffrey (tengah) bersama 15 pasukan terbaik.



TETAMU: Dr. Geoffrey (empat kiri) bersama Tracy Tumay Rigar (tiga kiri), Dr. Ricky Chia Chee Jun (dua kiri), Dr. Noor Hassanah (empat kanan) dan Dr. Aminah (lima kanan).



ALBUM: Dr. Geoffrey (lima kiri) bersama Ahli Jawatankuasa Program dan para peserta.